

B554

MAHATHIR-HUSSEIN
OLEH IDZAN ISMAIL

1981

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESAHKAN BAHAWA DATUK HUSSEIN ONN AKAN TIBA DI TANAH AIR DARI LONDON PETANG SABTU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH MENERIMA KAWAT DARI PERDANA MENTERI SENDIRI TENTANG KEPULANGANNYA.

JURUCAKAP JABATAN PERDANA MENTERI BERKATA DATUK HUSSEIN ONN DAN DATIN SUHAILA DIJANGKA TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DENGAN PENERBANGAN MAS (MH 001) PUKUL 6.45 PETANG SABTU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA UMNO AKAN MENGADAKAN SAMBUTAN SEDERHANA BAGI MENYAMBUK KETIBAAN PERDANA MENTERI MEMANDANGKAN BELIAU TIDAK BOLEH TERLALU +MELETIHKAN DIRINYA+ SUNGGUHPUN MENGIKUT DOKTORNYA BELIAU SUDAH PULIH.

+DATUK HUSSEIN AKAN TERUS DIBAWA KE KEDIAMANNYA -SRI TAMAN - DENGAN KERETA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG.+ TAMBAH BELIAU.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA HANYA BEBERAPA ORANG SAHAJA TERMASUK PEMIMPIN PARTI DIBENARKAN MENUNGGU DI TANGGA KAPALTERBANG BAGI MENYAMBUK KETIBAAN DATUK HUSSEIN.—BERSAMBUNG 1525/MK

MAHATHIR-HUSSEIN 2 KUALA LUMPUR

TIDAK SEMUA MENTERI KABINET AKAN DIBENARKAN MENUNGGU DI TANGGA KAPALTERBANG DAN BELIAU MENASIHATKAN PARA WARTAWAN JANGAN +MENGANGGU+ DATUK HUSSEIN DENGAN MEMINTANYA MEMBUAT UCAPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DATUK HUSSEIN AKAN MELAMBAI TANGAN KEPADA SEMUA ORANG RAMAI DARI KERETANYA SAHAJA.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA DATUK HUSSEIN ONN AKAN BERIHAT DI SINI SEPULANGNYA DARI LONDON TETAPI BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN BEBERAPA LAMA DATUK HUSSEIN AKAN BERIHAT SEBELUM MEMULAKAN TUGASNYA.

+BIASANYA SETELAH MENJALANI PEMBEDAHAN SALURAN DARAH KE-JANTUNG SESEORANG ITU PERLU BERIHAT SEKURANG-KURANGNYA DUA BULAN, + JELAS BELIAU.

BELIAU BERKATA BELIAU AKAN TERUS MEMANGKU JAWATAN PERDANA MENTERI SEHINGGA DATUK HUSSEIN BENAR-BENAR PULIH SEPerti UNTUK MEMULAKAN TUGASNYA.—BERSAMBUNG 1527/MK

B556

MAHATHIR-HUSSEIN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MEMBENTANG LAPORAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DI PARLIMEN PADA 27 MAC INI — KEGUALI JIKA TERDAPAT PERTUKARAN TERAKHIR.

BELIAU MENASIHATKAN ORANG RAMAI SUPAYA JANGAN MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI SEMASA BELIAU BERIHAT KERANA INI AKAN MELETIKKAN DATUK HUSSEIN JIKA TERPAKSA MENERIMA PELAWAT.

DITANYA SEBAB DATUK HUSSEIN PULANG LEBIH AWAL DARI RANCANGANNYA PADA 22 MAC INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN LONDON PADA MASA INI MUSIM SEJUK DAN MENGHALANG DATUK HUSSEIN ONN DARIPADA KELUAR BERJALAN.

+LAGIPUN DATUK HUSSEIN SUDAH JEMU TINGGAL DI YORK HOUSE KERANA TIDAK DAPAT BERBUAT APA-A, + TAMBAH BELIAU.

DATUK HUSSEIN KINI SEDANG BERIHAT DI RUMAH TETAMU KERAJAAN MALAYSIA ITU SETELAH SELAMAT MENJALANI PEMBEDAHAN DI KLINIK HARLEY STREET BULAN LALU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU UMNO MUNGKIN AKAN MENGADAKAN MAJLIS KENDURI DOA SELAMAT SEBAGAI TANDA KESYUKURAN DATUK HUSSEIN ONN SELAMAT MENJALANI PEMBEDAHAN.—BERSAMBUNG

1535/MK

B558

MAHATHIR-HUSSEIN 4 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MUSTAFA JABAR MEMINTA KERJASAMA SEMUA AHLI UMNO DAN ORANG RAMAI SUPAYA TIDAK BERSALAM-SALAMAN DENGAN DATUK HUSSEIN.

KATANYA, AHLI-AHLI UMNO YANG INGIN MENYAMBUK KEPULANGAN DATUK HUSSEIN BOLEH MENUNGGU DI LAPANGAN TERBANG SEBELUM PUKUL 6 TETAPI MEMADAILAH DENGAN BERBARIS DI KIRI KANAN JALAN YANG AKAN DILALUI OLEH KENDERAAN YANG AKAN DINAIKI OLEH DATUK HUSSEIN.

BELIAU MENJELASKAN ARAHAN INI DIKELUARKAN SETELAH BERUNDING DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMATA-MATA UNTUK MENJAMIN KESIHATAN PERDANA MENTERI TIDAK TERGANGGU.

DATUK MUSTAFA BERKATA UMNO, TERUTAMA PERGERAKAN PEMUDA, PADA MULANYA BERCADANG MENGADAKAN SAMBUTAN BESAR-BESARAN BAGI MENYAMBUK KEPULANGAN DATUK HUSSEIN TETAPI MEMBATALKANNYA ATAS NASIHAT DOKTOR DATUK HUSSEIN OLEH KERANA BELIAU BELUM PULIH BETUL DAN DALAM KELETIHAN YANG MEMERLUKAN BANYAK RIHAT.— BERNAMA 1540/MK